**PNBBCPORTAL.COM ONLINE 7 JANUARI 2021**

# Nilai Dagangan Sektor Agrikomoditi Hampir RM170b



7 JAN: Prestasi perdagangan sektor agrikomoditi 2020 sehingga November lalu telah mencatatkan nilai dagangan sebanyak RM169.2 bilion, meningkat sebanyak 10.6 peratus berbanding RM153 bilion yang direkodkan pada tahun 2019.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, sepanjang tempoh itu, pendapatan eksport produk agrikomoditi adalah sebanyak RM133.2 bilion atau 15.1 peratus daripada keseluruhan pendapatan eksport negara, berkembang positif sepanjang tempoh Januari hingga November 2020.

Menurut beliau, nilai itu meningkat sebanyak 13.6 peratus berbanding RM117.2 bilion yang direkodkan bagi tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

"Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan harga agrikomoditi utama iaitu harga purata minyak sawit mentah (MSM) serta peningkatan yang ketara pada permintaan produk-produk berasaskan getah," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Mohd Khairuddin memberitahu, produk berasaskan sawit yang merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak 48.6 peratus daripada jumlah eksport barangan agrikomoditi, mencatatkan peningkatan sebanyak 4.8 peratus kepada RM64.8 bilion.

Namun katanya, kuantiti eksport produk berasaskan sawit mencatatkan penurunan sebanyak 10.7 peratus kepada 23.9 juta tan.

"Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan kepada pengeluaran eksport minyak sawit bukan sahaja di Malaysia malah kepada semua negara pengeluar minyak sawit dunia.

"Melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan yang bermula secara berperingkat pada 18 Mac hingga 31 Ogos 2020 seterusnya Perintah Kawalan Pergerakan

Pemulihan (PKPP) telah memberikan kesan secara langsung kepada eksport minyak sawit dan produk berasaskan komoditi itu," jelasnya.

Beliau menambah, pengecualian 100 peratus duti eksport bermula 1 Julai hingga 31 Disember 2020 yang diumumkan oleh kerajaan pada 5 Jun tahun lalu, telah mendorong permintaan dunia ke atas minyak sawit dan produk-produknya.